

KUALA LUMPUR 2 Sept. - PanPages Bhd. (PanPages) menjangkakan asas pelanggan dalam talian perniagaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang sebanyak 20 peratus, tahun ke tahun.

**KOMUNITI**

Waktu Solat

Laporan Cuaca

**BERITA**

Berita Utama

Dalam Negeri

Wilayah

Laporan Khas

Parlimen

Politik

Luar Negara

Sukan

Bisnes

» Ekonomi

» Korporat

» Saham

» Matawang

Mahkamah

Jenayah

**KOLUMNIS**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PanPages, Fong Wai Leong berkata, pemasaran secara atas talian merupakan strategi pertumbuhan utama bagi usahawan perniagaan kecil dan sederhana Malaysia bagi membolehkan produk dan perkhidmatan yang diberikan sampai kepada golongan sasaran.

Ujarnya, walaupun kadar penembusan internet di negara ini berada pada tahap 67 peratus, hanya 15 peratus daripada 700,000 PKS menjalankan perniagaan mereka secara atas talian.

"Dalam usaha bagi PKS Malaysia berkembang global, mereka perlu mengoptimum dan menghalusi strategi pemasaran dalam talian.

"Pada masa ini, hanya 15 peratus daripada PKS mempunyai laman web, oleh itu kami mengambil inisiatif menganjurkan Hari Digital PKS yang bertujuan mendidik mereka untuk memasarkan produk atas talian," katanya pada sidang akhbar sempena Hari Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Digital di sini hari ini

Yang turut hadir, Ketua Pemasaran Google Malaysia, Matthew Zaheen.

Wai Leong berkata, program yang bakal berlangsung pada 10 September ini akan menampilkan beberapa usahawan PKS yang berjaya menjalankan perniagaan mereka dalam internet untuk berkongsi pengalaman.

Mereka yang berminat untuk menyertai seminar berkenaan boleh menghubungi talian 03-5636 9999 untuk maklumat lanjut.